

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERHIMPUNAN AGUNG PARTI PROGRESIF PENDUDUK MALAYSIA

TEMPAT: PUSAT PERDAGANGAN DUNIA PUTRA

TARIKH: 06 OCT 2002

MASA:

Saya ucapkan terima kasih kepada semua ahli serta anggota Jawatankuasa Pusat Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) yang telah sudi menjemput saya sekali lagi untuk merasmikan Perhimpunan Agung Parti PPP yang ke-49 pada hari ini.

2. Persidangan ini adalah yang kedua di dalam masa dua hari yang saya rasmikan yang mana ianya melibatkan dua parti komponen Barisan Nasional. Semalam saya telah menghadiri perasmian Persidangan Perwakilan ke-31 Parti Gerakan.

3. Sebenarnya, kesudian Parti PPP, begitu juga parti komponen Barisan Nasional yang lain untuk menjemput saya ke acara seperti ini setiap tahun amat saya hargai. Ini adalah sebagai pengiktirafan kepada saya selaku Pengerusi Barisan Nasional. Tetapi lebih daripada itu, walaupun Barisan Nasional merupakan satu gabungan parti campuran, namun kita telah berjaya menunjukkan bahawa kita mampu bergerak seiringan seolah-olah kita adalah satu parti.

4. Inilah yang menjadi asas kepada kejayaan kita. Kerjasama dan perpaduan antara parti-parti gabungan yang walaupun mempunyai kepentingan berbeza telah berjaya merapatkan jurang pemisah untuk kebaikan kita bersama.

5. Konsep Barisan Nasional ini, yang bermula dengan Parti Perikatan, merupakan hasil kebijaksanaan pemimpin kita yang lampau yang menyedari bahawa hanya dengan memupuk kerjasama antara kaum barulah dapat kita menentukan kemerdekaan negara dicapai dengan aman.

6. Hari ini berkat kerjasama inilah juga kita telah berjaya membangunkan negara kita dan memakmurkan rakyat. Sebenarnya apa yang kita lakukan ini mengkagumkan negara-negara lain yang cuba mengamalkan system demokrasi tetapi terdapat terlalu banyak parti yang bertentangan antara satu dengan yang lain. Keadaan ini menjadi lebih sulit jika terdapat penduduk daripada pelbagai kaum.

7. Malaysia mempunyai penduduk yang terdiri daripada pelbagai kaum dengan perbezaan agama, bahasa dan budaya

tetapi kita masih aman dan berjaya. Perbezaan yang sebegini amat sukar diatasi dan perpaduan tidak mudah dicapai. Jika diadakan sebuah parti untuk semua kaum kemungkinan ialah kaum yang terbesar akan mendominasi parti itu. Tetapi system 'coalition' memberi suara yang sama kepada semua kaum dan parti, kecil dan besar, melalui perwakilan dalam Dewan Tertinggi. Tiap parti dan kaum dapat menyuarakan pendapat dan masalah yang dihadapinya kepada gabungan parti. Dengan itu tidak ada pihak yang akan terasa di ketepikan atau kecewa.

8. Kita telah lihat bagaimana pada tahun 1997, apabila negara diserang penyangak matawang dan ekonomi kita telah terjejas dengan teruk, tidak ada rusuhan kaum yang berlaku dan perpaduan antara rakyat telah menghasilkan keamanan dan kestabilan yang membolehkan Kerajaan menumpukan sepenuh perhatian terhadap usaha untuk memulihkan ekonomi negara. Hari ini kita boleh berbangga kerana ekonomi kita telah pulih dan negara terus aman dan stabil.

9. Kerajaan amat tegas di dalam menangani isu perhubungan antara kaum. Walaupun kaum terbesar di Malaysia merupakan kaum Bumiputera, yang mempunyai keistimewaan sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan Negara, Kerajaan tidak pernah mengetepikan hak mana-mana kaum lain. Kebebasan untuk mengamal adat resam, budaya, agama dan bahasa kaum lain tidak pernah disekat. Malah ianya digalakkan dengan Kerajaan menyediakan bantuan seperti di dalam mendirikan sekolah jenis kebangsaan, serta penyediaan tapak untuk rumah-rumah ibadat penganut agama lain.

10. Kerajaan akan tetap mempertahankan hak kaum-kaum lain berdasarkan kepada peruntukan di bawah Perlembagaan Negara. Tetapi Kerajaan juga mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk mengekalkan keharmonian dan perpaduan generasi akan datang. Ini hanya dapat dilaksanakan dengan memupuk interaksi antara kaum di peringkat awal kehidupan mereka dan mengembangkan bahagian ekonomi mereka.

11. Seperti yang saya katakan tadi, perpaduan antara kaum telah berjaya meyakinkan penjajah untuk memberikan kita kemerdekaan. Walaupun pada tahun 1969, terjadi rusuhan antara kaum disebabkan ketidakseimbangan ekonomi, langkah-langkah yang diambil telah berjaya menyekat kejadian seperti itu berulang sehinggakan apabila rantau ini diserang penyangak matawang, Malaysia dapat mengekalkan keharmonian dan perpaduan antara rakyat.

12. Hari ini, walaupun secara umumnya hubungan antara kaum di Malaysia amat baik, tetapi terdapat perpisahan di antara rakyat golongan muda. Di sekolah-sekolah dan di institusi pengajian tinggi polarisasi kaum berlaku. Kita lihat bagaimana kumpulan-kumpulan pelajar

berlainan kaum bergerak dan berinteraksi hanya dengan rakan sekaum mereka sahaja. Mereka makan berasingan, belajar berasingan, bermain berasingan, boleh dikatakan apa sahaja aktiviti yang dilakukan hanyalah dengan rakan-rakan sekaum mereka sahaja.

13. Ini amat tidak baik sekali bagi masa depan negara kita. Malaysia tidak boleh meneruskan kemajuan yang telah dicapai tanpa persefahaman antara kaum. Itulah sebabnya Kerajaan merasakan perlu untuk mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan percampuran di kalangan golongan muda dengan mendirikan kompleks sekolah wawasan yang menempatkan Sekolah Kebangsaan dengan Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil.

14. Dengan adanya kompleks Sekolah Wawasan ini, sekurang-kurangnya murid-murid sekolah ini akan dapat makan bersama dan bermain bersama di satu kantin, satu dewan perhimpunan, satu padang. Kerajaan tidak ada tujuan sama sekali untuk menghapuskan Sekolah Jenis Kebangsaan ini.

15. Malangnya, terdapat segelintir puak ekstrimis yang mengambil kesempatan untuk mempolitikkan usaha murni Kerajaan ini dengan menuduh bahawa langkah ini adalah usaha Kerajaan untuk menghapuskan Sekolah Jenis Kebangsaan. Saya ingin nyatakan di sini bahawa Sekolah Jenis Kebangsaan telah diperuntukkan di bawah Perlembagaan dan pindaan yang telah dibuat dalam undang-undang menghalang kerajaan daripada menukar sekolah jenis Kebangsaan kepada sekolah Kebangsaan atau menghapuskan sekolah jenis Kebangsaan.

16. Dalam usaha Kerajaan memupuk dan menjalinkan hubungan yang rapat antara kaum di Malaysia, parti-parti komponen di dalam Barisan Nasional mestilah terlebih dahulu kuat dan bersatu-padu. Jika parti dan pemimpin komponen parti BN itu lemah, dan jika parti-parti di dalam BN pula bersengketa, maka akan menjadi lebih mudah bagi puak ekstrimis ini mendapat sokongan. Dalam sistem demokrasi sokongan majoriti menentukan siapa yang akan jadi Kerajaan. Ugutan oleh puak ekstrimis untuk mengurang undi parti Kerajaan akan diguna berkali-kali jika mereka dapati kita mudah tunduk kepada ugutan mereka.

17. Walaupun parti komponen BN terdiri daripada parti-parti yang mewakili pelbagai kaum, namun kita harus mengambil pendekatan yang sederhana. Kita harus rasional dan jangan biarkan diri kita terpengaruh dengan pandangan puak ekstrim. Kita harus berani menegakkan kebenaran dan membuat keputusan yang akan memberi manfaat kepada semua, dan bukannya sesuatu kaum sahaja.

18. Malaysia adalah sebuah negara demokratik. Kita telah mengadakan pilihanraya umum setiap kali tempoh

parlimen tamat tanpa apa-apa halangan. Rakyat bebas memilih Kerajaan mereka tanpa perlu merasa takut atau tertekan. Walaupun pelbagai tohmahan telah dilemparkan oleh pihak pembangkang terhadap kita, tidak sesiapa pun yang boleh menafikan bahawa pilihanraya umum di Malaysia adalah "free and fair".

19. Malangnya sejak kebelakangan ini kita dapat melihat bagaimana puak pembangkang, yang kecewa kerana tidak mendapat sokongan majoriti rakyat telah mula menggunakan taktik kotor untuk menipu dan memanipulasi "electoral roll" untuk merampas kuasa dengan secara tidak demokratik.

20. Ini dapat kita kesan di dalam pilihanraya kecil di Anak Bukit dan Pendang baru-baru ini, di mana berlaku perpindahan nama pengundi dari satu kawasan ke kawasan lain untuk menentukan kemenangan parti pembangkang dengan penipuan ini.

21. Sekarang ini barulah kita sedar akan apa dianya tuduhan pihak pembangkang tentang terdapatnya pengundi hantu atau "phantom voters" setiap kali pilihanraya diadakan. Sebenarnya mereka mensyaki penipuan yang dibuat oleh mereka, dibuat juga oleh kita. Sebab itu apabila penyokong kita pergi ke kawasan pilihanraya kecil untuk memberi semangat dan menyelamat pengundi kita kerana gangguan oleh parti lawan, mereka menyekat bas penyokong parti kita dan merampas kad pengenalan supaya penyokong kita tidak dapat mengundi. Tetapi memang pun penyokong Barisan Nasional bukan berhajat untuk mengundi dalam pilihanraya kecil di kawasan yang bukan mereka berdaftar sebagai pengundi. Yang membuat kerja itu ialah Parti Pembangkang.

22. Kita membahagikan negara kita kepada kawasan-kawasan untuk memilih wakil kerana kita ingin memberi hak kepada penduduk kawasan memilih wakil yang dipercayai oleh mereka akan mewakili dan memperjuangkan kepentingan penduduk kawasan berkenaan. Jika orang dari kawasan lain mendaftar untuk mengundi sesukahati mereka, maka pengundi tempatan mungkin tidak dapat memilih wakil yang diminati oleh mereka. Ini adalah kerana orang luar yang menyebabkan calon tertentu dipilih dengan memberi undi mereka kepada calon tersebut.

23. Sebaliknya calon boleh datang dari mana-mana sahaja asalkan ia adalah seorang pengundi. Jika penduduk sesuatu kawasan ingin memilih calon dari luar kawasan itu adalah hak mereka.

24. Sebab itulah kita mempunyai kawasan pilihanraya. Jika orang yang tidak ada kena-mengena dengan kawasan menjadi pengundi dalam kawasan itu maka tidaklah perlu kita membahagikan negara kepada kawasan-kawasan untuk pemilihan wakil rakyat.

25. Kita harus berwaspada dengan taktik kotor parti pembangkang ini. Mereka akan membuat apa sahaja untuk mencapai matlamat mereka merampas kuasa. Tidak boleh secara demokratik menerusi pilihanraya, terdapat juga elemen-elemen daripada parti lawan yang sanggup mencuba merampas kuasa secara kekerasan seperti yang dibuat oleh kumpulan Al-Maunah dan dirancang oleh Kumpulan Militan. Kerajaan tetap akan mengguna undang-undang negara untuk menggagalkan percubaan mereka.

26. Adalah menjadi tanggungjawab parti-parti komponen Barisan Nasional menyelamatkan rakyat dan negara daripada orang yang seperti ini. Kita perlu bekerja kuat supaya kemalangan ini tidak menimpa negara yang tercinta ini.

27. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Presiden Parti PPP, YB Datuk M Kayveas, kerana kejayaannya menerajui parti PPP dengan begitu baik. Saya juga mengucapkan tahniah kepada semua pucuk pimpinan serta ahli PPP yang telah berjaya menonjolkan PPP sebagai sebuah parti yang kuat dan bersatu padu. Sokongan berterusan yang kuat kepada pucuk pimpinan parti hanya akan memperkukuhkan lagi Barisan Nasional serta Kerajaan.

28. Sekarang dengan segala sukacitanya saya merasmikan Perhimpunan Agung Parti Progresif Penduduk Malaysia yang ke-49 dan saya harap kekukuhan parti PPP akan terus meyumbang kearah pembangunan, kemakmuran dan kesejahteraan negara kita yang tercinta ini.